



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 03/2024



HIDUPKAN SEPULUH MALAM TERAKHIR DAN LAILATUL QADAR

29 Mac 2024M | 18 Ramadan 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Marilah kita mengikhlaskan diri dalam segala amal ibadah yang dilakukan sepanjang bulan Ramadan sama ada ketika hadir



menunaikan solat fardu berjemaah lima waktu, solat Tarawih, iktikaf, membaca al-Quran mahupun bersedekah dan lain-lain. Lakukanlah semuanya kerana mengharapkan pahala dan reda Allah, bukannya kerana malu kepada jiran-jiran atau kawan-kawan atau kerana mahu dilihat oleh manusia. Ini kerana amalan yang tidak disertai keikhlasan akan menjadi sia-sia kerana tidak diterima oleh-Nya. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Bayyinah ayat 5:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ

وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: *“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kita sekarang menghampiri sepuluh hari yang terakhir dalam bulan Ramadan tahun ini. Maka marilah kita bersama-sama mempersiapkan diri untuk merebut peluang, keistimewaan dan segala kelebihan sepuluh malam yang terakhir dalam bulan suci ini. Letakkanlah keazaman yang



bersungguh-sungguh untuk kita menggandakan amal ibadah seperti yang dicontohkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam al-Muslim:

إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ، أَحْيَا اللَّيْلَ، وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ، وَجَدَّ، وَشَدَّ الْمِئْزَرَ.

Yang bermaksud: *“Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam apabila memasuki sepuluh malam terakhir Ramadan, Baginda menghidupkan malam (dengan solat), membangunkan keluarganya, bersungguh-sungguh dalam beribadah, dan mengikat tali pinggangnya.”*

Pastinya ada kelebihan yang sangat istimewa pada sepuluh malam terakhir Ramadan ini. Jika tidak, takkanlah Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam bersungguh-sungguh memberikan tumpuan kepada solat dan ibadah lainnya, hingga Baginda sanggup meninggalkan kenikmatan tidur malam dan mengetepikan seketika urusan-urusan lain. Disebutkan dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ الْآخِرِ، مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ

Yang bermaksud: *“Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berusaha sedaya upaya pada sepuluh malam terakhir Ramadan melebihi usahanya dari malam-malam yang lain”.*



Sebenarnya Baginda Salallahu Alaihi Wasallam ingin menunjukkan contoh tauladan kepada kita semua supaya memberikan fokus yang tinggi kepada amal ibadah dan mendapatkan kelebihan satu malam yang dinamakan sebagai Lailatul Qadar. Ia hanya datang dalam bulan Ramadan, tiada dalam bulan-bulan yang lain. Banyak sekali hadis nabi dan pendapat ulama tentang bilakah berlakunya Lailatul Qadar. Ada yang mengatakan pada malam-malam ganjil. Apa yang pasti, tarikhnya yang tepat dirahsiakan oleh Allah Subhanahu wa Taala. Tetapi, jika kita istiqamah beribadah bersungguh-sungguh terutama pada sepuluh malam yang terakhir, insya-Allah kita akan mendapat kelebihan Lailatul Qadar pada tahun ini.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Yang bermaksud: *“Sesiapa yang mendirikan (qiyam) pada malam al-Qadr dengan keimanan dan pengharapan (kepada reda Allah), maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Antara ibadah yang sangat diambil berat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada sepuluh terakhir Ramadan ialah ibadah iktikaf. Amalan beriktikaf bermula pada malam 21 Ramadan, hendaklah berada di



masjid sebelum waktu maghrib, berakhir pada malam raya dan yang lebih afdalnya mengakhirkan iktikaf tersebut selepas menunaikan solat sunat hari raya Aildilfitri. Ia dilakukan dengan bersungguh-sungguh dengan penuh mujahadah melebihi hari-hari lain dalam bulan Ramadan. Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim daripada Saidatina Aisyah Radiallahu Anha:

Yang bermaksud: *“Bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan iktikaf setiap bulan Ramadan selama sepuluh hari, maka ketika di tahun menjelang wafatnya, Rasulullah beriktikaf dua puluh hari. Dan isteri-isterinya beriktikaf setelah itu.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Marilah kita bersama-sama menghidupkan sepuluh terakhir Ramadan dengan ibadah dan amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Semoga dengan ibadah tersebut, kita akan dikurniakan syurga dan diampunkan dosa-dosa yang lepas. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Qadr, ayat 1 hingga 5:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ
خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ تَنْزِيلُ الْمَلَائِكَةِ وَالرُّوحِ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ
أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ حَتَّى مَطَلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، اللَّهُ الْعَظِيمِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ